



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH AHAD			
TARIKH	:	6/6/2021	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JP NEGERI KELANTAN			

2 syarikat diarah henti sementara kerja keluar hasil

Kuala Krai: Jabatan Perhutanan Kelantan mengarahkan dua syarikat pembalakan berlesen menghentikan kerja pengusahaan hasil di sekitar kawasan Lata Y.

Pengarahnya, Abdul Khalim Abu Samah dalam satu kenyataan semalam, berkata arahan menghentikan sementara aktiviti pengeluaran hasil dari kawasan itu adalah sebagai langkah kawalan.

Katanya, syarikat berkenaan juga diarah menanam pokok penutup bumi di bahagian tebing jalan yang terhakis bagi mengelak hakisan lebih teruk pada masa depan.

"Kami juga sudah berbincang dengan kerajaan negeri untuk mewartakan kawasan itu sebagai kawasan tadahan air. Malah, kami bercadang mewartakan mana-mana kawasan sensitif

di Hutan Simpan Kekal (HSK) Sungai Rek, iaitu lokasi mudah tercemar disebabkan aktiviti perhutanan, sebagai kawasan tadahan air," katanya.

Katanya, semakan mendapati dua syarikat pembalakan berlesen di sekitar kawasan Lata Y mendapat kelulusan melaksanakan projek pembangunan ladang hutan dengan anggaran jarak antara kedua-dua projek berkenaan lebih kurang 1 dan 1.2 kilometer (km).

"Kedua-dua kawasan berlesen ini sudah mendapat kelulusan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan mereka juga mematuhi segala syarat yang terkandung di dalam laporan EIA yang diluluskan.

"Pelesen juga tidak melakukan sebarang tebingan pokok berhampiran zon penampun

sungai seluas 50 meter, malah mengambil inisiatif menambah seluas 10 meter lagi bagi menjaga kawasan penampun itu dengan tidak melakukan sebarang tebingan di kawasan berkenaan," katanya.

Beliau berkata, keadaan air

terjun di Lata Y keruh disebabkan hujan lebat di bahagian atas kawasan berkenaan sehingga menghakis tebing sungai di sekitarnya, selain terdapat aktiviti perhutanan.

"Kawasan yang dikenal pasti menerima kesan disyorkan

tidak dilaksanakan aktiviti pengusahaan sama sekali. Selama ini, pihak jabatan melaksanakan amalan pengurusan hutan secara berkekalan berasaskan kepentingan ekonomi, sosial dan alam sekitar," katanya.

Katanya, sejak 32 tahun lalu, kerajaan negeri melalui jabatan berkenaan mewartakan seluas 15,306 hektar sebagai HSK Sungai Rek di mana kawasan kira-kira 3,782 hektar diwartakan kawasan tadahan air dan tambahan kira-kira 1,490 hektar lagi sudah diluluskan untuk tujuan sama.

"Dengan itu, keluasan kawasan di HSK Sungai Rek yang sudah diwartakan dan sedang diwartakan sebagai kawasan tadahan air adalah seluas kira-kira 5,272 hektar, manakala selebihnya adalah hutan pengeluaran," katanya.

“Kedua-dua kawasan berlesen ini sudah mendapat kelulusan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) daripada Jabatan JAS dan mereka juga mematuhi segala syarat yang terkandung di dalam laporan EIA yang diluluskan”



Abdul Khalim Abu Samah,
Pengarah Jabatan Perhutanan Kelantan